

Wujudkan penanda aras beri ruang rakyat pantau KEB

- Perlu pendekatan berbeza dari segi pelaksanaan bagi mengelak kelemahan dalam pelaksanaan DEB berulang

- Perlu juga strategi keluar untuk merancang langkah seterusnya dalam agenda pemeraksanaan Bumiputera



Profesor Madya
Pusat Pengajian
Ekonomi, Kewangan
dan Perbankan,
Universiti Utara
Malaysia (UUM)

Oleh Prof Madya Dr Irwan Shah
Zainal Abidin
bhrencana@bh.com.my

Setiap kali Kongres Ekonomi Bumiputera (KEB) berlangsung, akan ada sahaja suara sumbang kononnya cuba memperjuangkan kesamarataan hak dan membawa fahaman liberalisasi ekonomi sempit, tanpa melihat kepada konteks keadaan dalam masyarakat kita.

Begitu jugalah apabila KEB 2024 diadakan selama tiga hari bermula 29 Februari hingga 2 Mac lalu. Hakikatnya, agenda pemerkasaan ekonomi Bumi-putera ini perlu dilihat dari perspektif nasional kerana mustahil masyarakat Malaysia akan maju sekiranya lebih 70 peratus rakyatnya masih lagi terkebelakang dari pelbagai aspek sosioekonomi dan perniagaan.

Pelbagai hasil diperoleh daripada KEB 2024 ini, terutama 82 resolusi digariskan sebagai agenda baharu pemerkasaan Bumiputera itu sendiri. Sewaktu Majlis Penutup KEB 2024, Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan dana RM1 bilion untuk memperkasakan dan melahirkan lebih ramai lagi generasi baharu usahawan Bumiputera – satu dimensi penting dalam memperkukuh ekonomi Bumiputera pada kali ini.

Semasa ucapannya KEB 2024 disampaikan Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, idea Transformasi Ekonomi Bumiputera (TEB) dilontarkan sebagai dasar dan gagasan baharu untuk mengorak langkah ke hadapan sebagai kesinambungan kepada Dasar Ekonomi Baru (DEB), penciptaan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (BCIC), Dasar Transformasi Nasional (DTN) dan Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030.

Namun, kita tidak boleh nafikan falsafah dan roh DEB itu sangat baik serta masih lagi relevan hingga ke hari ini. Ini terbukti apabila pelbagai dasar serta kerangka pembangunan ekonomi Malaysia pasca-DEB masih lagi mengekalkan falsafah serta roh DEB itu sendiri yang secara analoginya bermaksud mengembangkan kek ekonomi dan mengagihkannya secara adil dalam masyarakat, bukannya cuba menstruktur semula ekonomi dengan pendekatan ekonomi Robinhood, iaitu mengambil harta daripada golongan kaya dan memberikannya kepada orang miskin.

Hakikatnya, kesamarataan tidak semestinya akan membawa keadilan kerana faktanya, kita semua tidak bermula pada tahap dan titik permulaan sama dalam banyak hal. Bukan sahaja kita dilahirkan tidak sama, keadaan serta situasi kita dibesarkan juga berbeza.

Perkara ini perlu diambil kira oleh mereka yang kononnya pejuang keadilan dan fahaman liberalisme dalam masyarakat di negara ini. Faktor sejarah serta corak sosioekonomi masyarakat Malaysia itu sendiri perlu diambil kira sebagai konteks penting dalam perbincangan soal keadilan.

Dasar pecah dan perintah dilaksanakan British mengakibatkan berlakunya fenomena agak

unik di negara ini yaitu isu kesenjangan agihan pendapatan, harta serta peluang dalam pergerakan dalam mobiliti sosial diasosiasikan dengan elemen kaum.

Oleh itu, selepas merdeka, sejarah hitam 13 Mei 1963 dilihat sebagai manifestasi kepada masalah sosioekonomi kita warisi daripada British.

Dari perspektif ekonomi, korektif unfikatif adalah satu bentuk tindakan korektif untuk memperbaiki keadaan lepas demi mencapai keadilan dalam masyarakat dan negara pada hari ini.

Dasar afirmatif ini juga diperkenalkan di pelbagai negara di dunia. Di negara ini, bentuk dasar afirmatif ialah DEB. Sebagai dasar afirmatif, DEB ini memang berbentuk diskriminatif. Jadi, jika ada yang cuba mempersoalkan 'ketidakadilan' DEB dari segi layanan istimewa diberikan kepada kelompok tertentu, mungkin mereka tidak memahami teori di sebaliknya dasar DEB itu sendiri.

Masalah pelaksanaan

Namun, isu ataupun masalah pokok dasar afirmatif di negara ini bukannya dasar itu sendiri tetapi pelaksanaannya. Sepanjang DEB dilaksanakan, tidak dapat dinafikan banyak sumbangannya kepada pemeraksanaan ekonomi Bumiputera dari pelbagai segi.

Namun, kita tidak boleh tutup sebelah mata terhadap isu dan masalah timbul untuk dijadikan pengajaran kepada penerusan kepada agenda pemerintahan Bumiputera pada hari ini.

Dalam konteks DEB, kita melihat bagaimana pelaksanaannya terpesong daripada matlamat asalnya, terutama sekitar 1980-an. DEB yang pada mulanya berusaha menghapuskan kemiskinan tanpa mengira kaum, berubah dengan menjadikan beberapa kelompok elit dalam masyarakat Bumiputera menjadi semakin kaya hingga mengakibatkan berlakunya ketidakseimbangan dalam agihan pendapatan dalam kalangan kaum Melayu itu sendiri.

DEB yang asalnya memfokus jalinan ekonomi sepenuhnya dalam satu generasi sudah menjadi obses kepada pemilihan ekuiti Bumiputera semata-mata. Usaha mencipta usahawan Bumiputera tulen yang boleh menjalin hubungan secara simbiotik dengan golongan bukan Bumiputera dalam perniagaan tidak berlaku. Apa yang berlaku ialah budaya ali baba mengakibatkan golongan Bumiputera masih lagi ketinggalan dalam bidang perniagaan hingga ke hari ini.

Justeru, TEB dengan tiga matlamat utama, enam tekad dan tiga ikhtiar perlulah mempunyai pendekatan berbeza dari segi pelaksanaannya untuk mengelak daripada kelemahan dalam pelaksanaan DEB berulang.

Dalam hal ini, satu kerangka masa jelas perlu ada supaya sasaran ataupun beberapa penanda aras spesifik sama ada jangka pendek, sederhana atau panjang dapat ditetapkan serta bila ia akan dicapai.

Program dan strategi khusus seterusnya boleh digubal untuk mencapai semua penanda aras tersebut. Dalam proses pelaksanaan, perlu ada laporan berkala untuk tatapan umum sama ada secara sukuan atau separuh penggal dan adanya papan pemuka serta matriks yang mempunyai definisi jelas berkenaan dengan apa yang hendak dicapai serta penanda yang sudah dicapai.

Tidak kurang pentingnya adalah apa yang akan berlaku selepas ia dicapai? Oleh itu, perlu juga ada strategi keluar untuk merancang apakah langkah seterusnya dalam agenda pemerintahan Bumiputera ini.

Menteri ekonomi, Rafizi Ramli ada menyebut satu pelan ekonomi Bumiputera selama 10 tahun akan dilancarkan pada Jun ini. Diharapkan ia akan menjadi satu lagi dasar khusus yang Ekonomi MADANI adalah induknya kerana agak sukar visi itu dicapai tanpa kewujudan sinergi tulen antara Bumiputera dengan bukan Bumiputera dalam mengangkat ekonomi negara ke arah lebih baik.

